

**MENGENALISU-ISU PERSEKITARAN YANG MASIH BERLANJUTAN
DI PASAR AWAM SEBERANG JAYA, PULAU PINANG**

10DPM14F2126	MOHAMAD AZFAR BIN ZAKARIA
10DPM14F2089	NURUL SYAZNIZA BINTI ROSLAN
10DPM14F2087	NOR SYAZWANI BINTI AKMAN
10DPM14F2103	NUR AWANIS BINTI NASORUDDIN
10DPM14F2088	NURUL ATIKA BINTI ABDUL JALIL

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN**

JABATAN PERDAGANGAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

DISEMBER 2016

MENKAJI ISU-ISU PERSEKITARAN YANG MASIH BERLANJUTAN DI PASAR
AWAM SEBERANG JAYA, PULAU PINANG

MOHAMAD AZFAR BIN ZAKARIA	10DPM14F2126
NURUL SYAZNIZA BINTI ROSLAN	10DPM14F2089
NOR SYAZWANI BINTI AKMAN	10DPM14F2087
NUR AWANIS BINTI NASORUDDIN	10DPM14F2103
NURUL ATIKA BINTI ABDUL JALIL	10DPM14F2088

LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEH DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN

JABATAN PERDAGANGAN

DISEMBER 2016

PERAKUAN PELAJAR

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1. Tandatangan :
Nama : Mohamad Azfar Bin Zakaria
No. Pendaftaran : 10DPM14F2126
Tarikh :
2. Tandatangan :
Nama : Nurul Syazniza Binti Roslan
No. Pendaftaran : 10DPM14F2089
Tarikh :
3. Tandatangan :
Nama : Nor Syazwani Binti Akman
No. Pendaftaran : 10DPM14F2087
Tarikh :
4. Tandatangan :
Nama : Nur Awanis Binti Nasoruddin
No. Pendaftaran : 10DPM14F2103
Tarikh :
5. Tandatangan :
Nama : Nurul Atika Binti Abdul Jalil
No. Pendaftaran : 10DPM14F2088
Tarikh :

PENGESAHAN LAPORAN KAJIAN

Laporan projek bertajuk “ **MENKAJI ISU-ISU PERSEKITARAN YANG MASIH BERLANJUTAN DI PASAR AWAM SEBERANG JAYA, PULAU PINANG**” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia	: Puan Zuhairah Binti Abd Hadi
Tandatangan Penyelia	:
Tarikh	:

Disahkan oleh:

Nama Pensyarah Kursus	: Puan Nor Hasni Binti Haron
Tandatangan Pensyarah Kursus	:
Tarikh	:

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang serta limpahan rahmat, nikmat masa, nyawa, tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga kami menyiapkan kajian ini dengan jayanya di dalam tempoh yang ditetapkan.

Kami ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada Puan Zuhairah Binti Abd Hadi di atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa tempoh kami melaksanakan tugas kajian ini. Kami amat menghargai kesabaran Puan Zuhairah Binti Abd Hadi yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan bersedia untuk berkongsi maklumat dan kepakaran beliau dalam menangani masalah kami sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Semangat kesabaran, keprihatinan beliau semasa sesi kajian ini dijalankan telah meyakinkan kami dan membantu kami untuk menyempurnakan kajian ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Puan Nor Hasni Binti Haron atas kerjasama beliau kerana sudi memberikan tunjuk ajar yang amat memberangsangkan sepanjang kami menjalani penyelidikan ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat kami hargai dan akan dijadikan satu pengalaman serta panduan untuk digunakan pada masa hadapan.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak dan individu yang terlibat sepanjang kajian ini dijalankan. Tanpa kerjasama daripada mereka, maka sukarlah usaha kami untuk menyiapkan tugas kajian ini dengan sebaiknya.

Sekian.

ABSTRAK

Projek perniagaan ini dilaksanakan bagi tujuan untuk mengkaji isu-isu persekitaran yang masih berlanjutan di Pasar Awam Seberang Jaya, Pulau Pinang dari aspek keadaan dan suasana terhadap kemudahan infrastruktur, keselamatan dan persekitaran di Pasar Awam. Instrumen kajian yang digunakan bagi menjawab objektif khusus ialah berbentuk borang soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Seramai 100 orang responden telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Seterusnya, data-data yang terkumpul akan diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian Microsoft Word dan SPSS. Pengkaji menggunakan teknik deskriptif (kekerapan dan peratusan). Dapatan kajian mendapati bahawa aspek faktor kemudahan infrastruktur, responden bersetuju dengan masalah-masalah yang dihadapi adalah dengan kekurangan kemudahan di pasar awam. Responden juga bersetuju dengan keadaan yang kurang selesa semasa berada di pasar awam berdasarkan faktor keselamatan. Bagi faktor persekitaran pula, responden bersetuju dengan tahap kebersihan semasa berada di pasar awam. Akhirnya, cadangan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam kajian ini.

ABSTRACT

This business project is implemented for purpose to study an environmental issues that still persists in Pasar Awam Seberang Jaya, Penang from aspect conditions and atmosphere for infrastructure facility, safety and environment in public market. Questionnaires was used as the study's instrument to show the main objectives that divided into two parts that is part A and part B. 100 respondents was selected as the sample in the research. Accumulated data will be processed and analysed by using Microsoft Word and SPSS software. Researcher use descriptive technique (frequency and percentage) to analyse the data. The result of this research found that from the factor of infrastructure facility, respondent agreed that the situation with the lack of facilities in public market. Respondent also agreed with an uncomfortable situation while in a public market based on safety factors. From the environment factor, respondent agreed in terms of hygiene when arriving in a public market. Finally, proposal presented to the concerned parties in this research.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	Halaman Tajuk	i
	Perakuan Pelajar	ii
	Pengesahan Laporan Kajian	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Senarai Kandungan	vii
	Senarai Jadual	ix
	Senarai Rajah	x
	Senarai Lampiran	xi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Definisi Operasional	11
1.9 Limitasi Kajian	12
1.10 Kesimpulan	13

BAB**PERKARA****MUKASURAT****BAB 2****SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan	14
2.2 Kemudahan Infrastruktur	15
2.3 Keselamatan	17
2.4 Persekitaran	19
2.5 Kesimpulan	21

BAB 3**METODOLOGI**

3.1 Pengenalan	22
3.2 Rekabentuk Kajian	23
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	24
3.4 Populasi dan Sampel	25
3.5 Instrumen Kajian	26
3.6 Kaedah Analisis Data	27
3.7 Kesimpulan	28

BAB 4**ANALISA DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pengenalan	29
4.2 Analisis Kebolehpercayaan Data	30
4.3 Dapatan Kajian	32
4.4 Kesimpulan	50

BAB 5**CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	51
5.2 Perbincangan	52
5.3 Cadangan kepada pihak Berkepentingan	58
5.4 Kesimpulan	60

BIBLIOGRAFI**LAMPIRAN**

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
4.1	Analisis Kebolehpercayaan Data	30
4.2	Responden Mengikut Jantina	33
4.3	Responden Mengikut Bangsa	34
4.4	Responden Mengikut Umur	35
4.5	Responden Mengikut Pekerjaan	37
4.6	Responden Mengikut Pendapatan	39
4.7	Responden Mengikut Kekerapan	41
4.8	Skala Min Skor	43
4.9	Analisis Soalan Berkaitan Isu-isu Persekitaran Yang Masih Berlanjutan Di Pasar Awan Seberang Jaya, Pulau Pinang (Faktor Kemudahan Insfrastruktur)	44
4.10	Analisis Soalan Berkaitan Isu-isu Persekitaran Yang Masih Berlanjutan Di Pasar Awan Seberang Jaya, Pulau Pinang (Faktor Keselamatan)	46
4.11	Analisis Soalan Berkaitan Isu-isu Persekitaran Yang Masih Berlanjutan Di Pasar Awan Seberang Jaya, Pulau Pinang (Faktor Persekitaran)	48

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Muka Surat
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	33
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	34
4.3	Taburan Responden Mengikut Umur	35
4.4	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	37
4.5	Taburan Responden Mengikut Pendapatan	39
4.6	Taburan Responden Mengikut Kekerapan	41

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Tajuk
A	Borang Soal Selidik
B	Analisa Kebolehpercayaan Keatas Latar Belakang
C	Analisa Kebolehpercayaan Keatas Faktor Isu-isu Persekitaran Yang Masih Berlanjutan Di Pasar Awam Seberang Jaya, Pulau Pinang

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pasar awam merupakan satu tempat yang terdiri daripada pembeli dan penjual untuk menjalankan aktiviti perniagaan pada masa dan syarat tertentu yang telah ditetapkan, menurut Osman, Rohani (1984). Kewujudan pasar awam memang telah diketahui umum sejak masyarakat telah mula mengenali aktiviti perniagaan di masa lampau.

Pasar awam juga dapat didefinisikan sebagai kelompok gerai yang menjual barang-barang makanan keperluan atau tempat orang berjual-beli pada waktu pagi. Wujudnya pasar awam ini adalah disebabkan terdapatnya penawaran dan permintaan daripada pihak peniaga pasar awam yang memberi peluang kepada mereka untuk menambah pendapatan dan bagi pembeli pula, pasar awam dapat membantu mereka memperolehi pelbagai keperluan harian dengan harga yang murah.

Seterusnya, antara barang keperluan ialah barangan dapur iaitu barang kering dan barang basah, pakaian, buah-buahan, makanan, minuman dan beberapa barangan yang lain seperti perkakasan, permainan dan sebagainya yang dijual di pasar awam. Secara tidak langsung, ia akan menarik ramai orang untuk mengunjungi ke pasar awam kerana harga barangan yang berpatutan berbanding pasar raya yang lain.

Keistimewaan serta kemeriahan pasar awam bukan sahaja menarik pelanggan tempatan untuk berbelanja malah mendapat perhatian daripada para pelancong bagi merasai keunikan pasar awam. Oleh itu, pasar awam menjadi salah satu produk pelancong khususnya bagi Malaysia.

Di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai boleh dikatakan hampir setiap hari pasar awam telah dibuka. Berdasarkan jadual lokasi yang terdapat di Seberang Perai Tengah ialah Pasar Awam Permatang Tinggi, Pasar Awam Bukit Mertajam, Pasar Awam Kota Permai, Pasar Awam Kampung Baru, Pasar Awam Taman Chai Leng, Pasar Awam Taman Sri Rambai, Pasar Awam Berapit, Pasar Awam Samagagah, Pasar Terbuka Taman Selamat, Pasar Awam Sri Penanti, Pasar Awam Taman Seri Delima dan termasuk Pasar Awam Seberang Jaya. Para peniaga yang berniaga di pasar awam bukan sahaja datang sekitar kawasan tersebut malah ada yang datang dari daerah lain. Lokasi pasar awam sering menjadi tumpuan penduduk terutamanya di kawasan perumahan dan pekan-pekan.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Secara umumnya, pasar dapat didefinisikan bangunan ataupun kelompok gerai sebagai tempat menjual barang makanan, tempat orang berjual beli, menurut Kamus Dewan Edisi ke-3, (1997) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Dari sudut ekonomi negara, pasar awam menyediakan peluang pekerjaan, menjadi penyedia sumber bahan mentah segar kepada masyarakat, di samping membuka peluang peniagaan. Berdasarkan Akhbar Sinar Harian, 10 November 2013 dapat dikonklusikan bahawa pasar awam merupakan langkah positif untuk penduduk menambah pendapatan dan dalam masa yang sama memudahkan mereka mendapatkan barangan basah. Dari aspek kepelbagaian produk pula, selain bahan mentah dan makanan siap, kebiasaannya pasar awam turut menyediakan pelbagai keperluan isi rumah yang lain seperti barang keperluan dapur, pakaian dan juga barangan aksesori. Hal ini memberi kepuasan dan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat pilihan terhadap apa-apa yang mereka inginkan. Orang ramai juga boleh membuat tawar-menawar sewaktu membeli barangan di pasar awam. Keadaan ini berbeza jika mereka berbelanja di pasaraya. Pengguna hanya akan membeli sesuatu barang sekiranya mereka berpuas hati dengan harga yang ditawarkan. Tambahan pula, barang-barang yang dijual di pasar awam mempunyai harga yang lebih murah dan mampu dibeli oleh pengguna yang berpendapatan rendah. Secara tidak langsung, mereka dapat berjimat cermat ketika berbelanja.

Pasar Awam di Malaysia seringkali dikaitkan dengan pelbagai isu kebersihan. Sebagai contoh, isu pengurusan sampah sarap yang berlaku di pasar-pasar borong sekitar Kuala Lumpur seperti di Pasar Borong Selayang, Pasar Chow Kit, Pasar Pudu, Pasar Sentul dan Pasar Keramat. Laporan akhbar Utusan Online pada 22 Jun 2015 melaporkan bahawa dalam tempoh sebulan, pihak berkuasa berjaya menangkap kira-kira 6000 ekor tikus di kelima-lima pasar tersebut dengan purata tangkapan di setiap pasar boleh mencecah sehingga 50 ekor tikus setiap hari. Berdasarkan statistik tangkapan tikus unit kawalan post Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tahun lepas, sebanyak 54,370 tikus telah berjaya ditangkap. Menurut laporan akhbar itu lagi, faktor utama yang menyumbang kepada kehadiran tikus yang banyak di pasar ialah air, sisa makanan serta tempat perlindungan seperti lubang yang dibuat di dalam

longgang. Hal ini dapat memudaratkan kesihatan orang ramai yang berkunjung ke pasar awam jika masalah ini berlarutan dan tiada sebarang tindakan yang diambil. Menurut Berita Terkini Online, 5 Ogos 2010, akibat daripada pembiakan tikus yang banyak di sekitar kawasan yang tidak dijaga akan menyebabkan penularan wabak Leptospirosis iaitu kencing tikus di mana ia sangat merbahaya yang boleh menyebabkan kematian. Menurut statistik Kementerian Kesihatan, pada tahun 2006, sebanyak 527 kes Leptospirosis telah dicatatkan, dan pada tahun 2007 pula, terdapat peningkatan kes sebanyak 929 kes dilaporkan. Masalah dan isu kebersihan seumpama ini bukan sahaja berlaku di pasar-pasar awam yang disebutkan di atas. Misalnya, Pasar Awam Seberang Jaya juga kerap dikaitkan dengan masalah yang sama. Buktinya, kawalan dan pencegahan pembiakan tikus di tempat-tempat pengumpulan tinggi terutamanya di pasar awam, kawasan-kawasan komersil, taman-taman perumahan, tempat-tempat awam dan tempat-tempat aduan dilaksanakan program berkala dan berterusan. Berdasarkan statistik jumlah tikus yang dimusnahkan di seluruh kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak 14,636 ekor tikus pada tahun 2015 melalui penggabungan antara pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Sekiranya isu kebersihan di Pasar Awam Seberang Jaya tidak ditangani dengan segera oleh pihak-pihak bertanggungjawab, masalah pembiakan tikus ini sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Keratan Akhbar Utusan Online turut akan berlaku. Jika masalah pembiakan tikus ini berlaku, ia boleh menyebabkan kualiti kesihatan rakyat sekitar merosot. Menurut Keratan Akhbar Utusan Online, pada 25 Ogos 2016, masyarakat perlu memainkan peranan penting dalam menangani masalah penularan penyakit berjangkit kencing tikus atau Leptospirosis dengan menjaga kebersihan persekitaran di sekeliling mereka termasuklah dengan golongan peniaga yang berniaga di premis perniagaan mereka.

Tindakan yang diketengahkan di atas berlaku disebabkan peniaga tidak membersihkan tapak niaga masing-masing selepas operasi perniagaan boleh menyebabkan pembiakan tikus yang tidak dapat dikawal di sekitar kawasan Pasar Awam Seberang Jaya sepertimana dicatatkan oleh pihak MBPP adalah sebanyak

14,636 ekor tikus pada tahun 2015. Hal ini tentu sekali akan membuat ketidakselesaian pelanggan terhadap masalah sampah sarap di Pasar Awam Seberang Jaya.

Konklusinya, semua pihak yang terlibat perlu peka dengan masalah-masalah yang terdapat di pasar awam bagi memudahkan semua pihak untuk meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan terjamin.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Cabaran utama yang menjadi persoalan kajian ini iaitu dari segi masalah keselamatan dan kemudahan infrastruktur di Pasar Awam Seberang Jaya. Kajian mendapati peniaga-peniaga yang berniaga di pasar awam tersebut meluahkan masalah yang dihadapi oleh mereka di situ seperti masalah tempat sesak serta keadaan bumbung yang sudah lama, menurut Keratan Akhbar Berita Harian pada 12 April 2015.

Selain itu, masalah persekitaran menjadi persoalan dalam kajian ini. Kajian juga mendapati terdapat beberapa pasar awam yang menghadapi masalah yang sama dan ia menyebabkan berlakunya pembiakan sarang tikus disebabkan pembuangan sampah di merata tempat tanpa kawalan. Menurut Keratan Akhbar Utusan, 22 Jun 2015, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mariappan Chinniah menyatakan bahawa populasi tikus lebih aktif di kawasan pasar dan bukannya di rumah kediaman, lebih-lebih lagi di pasar yang persekitarannya tidak terurus dan kotor.

Hal ini menunjukkan kebanyakan pasar awam menghadapi masalah yang sama. Sama ada dari segi masalah kemudahan infrastruktur di pasar awam mahupun dari segi keselamatan di kawasan yang berhampiran pasar awam tersebut serta persekitaran.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan yang diberikan, pengkaji ingin mengkaji punca masalah yang masih berlarutan di Pasar Awam Seberang Jaya iaitu dari segi faktor kemudahan infrastruktur, faktor keselamatan, dan juga faktor persekitaran. Pelbagai inisiatif telah diambil bagi menangani isu tersebut, antaranya adalah tinjauan mesra oleh Timbalan Perdana Menteri iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin berkenaan dengan masalah kemudahan infrastruktur dan masalah keselamatan. Selain itu, peruntukkan sebanyak RM 12 juta untuk menaik taraf Pasar Awam Seberang Jaya yang dinyatakan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Lim Guan Eng.

Menurut Datuk Jahara Hamid (2014), kenaikan kadar sewa seratus peratus, denda dan juga saman parkir dikenakan kepada peniaga-peniaga serta pengunjung di Pasar Awam Seberang Jaya bagi menyelenggarakan dan mengubahsuai infrastruktur

di pasar awam tersebut. Di samping itu, langkah-langkah penghapusan sarang dan tempat perlindungan tikus serta pemusnahan tikus melalui pengumpanan racun kimia dijalankan mengikut pusingan 4 hingga 6 bulan sekali selaras dengan status dan tabiat pembiakan tikus di kawasan-kawasan komersil, taman-taman perumahan berdensiti tinggi, pasar awam dan tempat-tempat aduan dilaksanakan melalui program berkala dan berterusan. Langkah-langkah pencegahan pembiakan tikus ini telah dilakukan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sekitar seberang perai termasuklah Pasar Awam Seberang Jaya.

Walaupun pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak yang bertanggungjawab bagi membetulkan keadaan, namun masih mendapat rungutan tentang faktor kemudahan infrastruktur, keselamatan dan juga persekitaran di Pasar Awam Seberang Jaya.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti kemudahan infrastruktur menjadi punca masalah di Pasar Awam Seberang Jaya.
2. Mengenal pasti keselamatan menjadi punca masalah di Pasar Awam Seberang Jaya.
3. Mengenal pasti persekitaran menjadi punca masalah di Pasar Awam Seberang Jaya.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah kemudahan infrastruktur menjadi punca masalah di Pasar Awam Seberang Jaya?
2. Adakah keselamatan menjadi punca masalah di Pasar Awam Seberang Jaya?
3. Adakah persekitaran menjadi punca masalah di Pasar Awam Seberang Jaya?

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini akan dijalankan di Pasar Awam yang terletak di Seberang Jaya. Kajian ini melibatkan responden seramai 100 orang terdiri daripada pengguna yang berkunjung untuk membuat proses pembelian di Pasar Awam Seberang Jaya.

Pengagihan responden adalah secara tidak rawak yang merangkumi pelbagai jenis lapisan masyarakat. Kajian utama yang hanya dikaji oleh pengkaji ialah samada dari segi punca masalah kemudahan infrastruktur, masalah keselamatan dan masalah persekitaran di Pasar Awam Seberang Jaya.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mengenai isu-isu persekitaran yang masih berlanjutan di Pasar Awam di Seberang Jaya adalah perlu supaya perniagaan yang dijalankan di kawasan tersebut dapat memberi keuntungan kepada semua pihak agar langkah-langkah yang sesuai dapat dilaksanakan untuk kepentingan bersama. Menurut Miller dan Grace (1990), kejayaan perniagaan bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya, mempelajari dan memahami faktor-faktor pasaran, citarasa dan pilihan pengguna, jumlah penggunaan serta pendapatan pelanggan. Terdapat beberapa kepentingan dalam kajian ini iaitu:

1) Pengunjung

Melalui kajian ini, pengunjung berfungsi sebagai saluran bagi orang ramai memberi maklum balas tentang operasi bagi dijalankan di Pasar Awam Seberang Jaya.

2) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)

Melalui kajian ini, ianya dapat membantu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk membuat penambahbaikan melalui maklum balas daripada orang ramai di Pasar Awam Seberang Jaya.

3) Pengkaji akan datang

Hasil kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada bakal pengkaji akan datang melalui kajian daripada isu dan aspek yang lain seumpama di pasar-pasar lain yang mendapat maklum balas negatif. Contohnya, Pasar Borong Selayang, Pasar Sentul, Pasar Chowkit, Pasar Keramat dan Pasar Pudu di Kuala Lumpur

1.8 DEFINISI OPERASIONAL

Pasar

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-3, (1997) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka pasar bermaksud bangunan ataupun kelompok gerai sebagai tempat menjual barang-barang makanan, keperluan seharian, tempat orang berjual beli.

Dalam konteks kajian ini, pasar yang dimaksudkan adalah Pasar Awam Seberang Jaya.

Pengunjung

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4, (2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pengunjung bermaksud orang yang berkunjung atau yang mengunjungi boleh juga dikatakan sebagai pelawat, tamu atau pelancong.

Dalam konteks kajian ini, pengunjung yang dimaksudkan adalah orang yang berkunjung ke Pasar Awam Seberang Jaya bagi membuat proses jual beli.

Lalu lintas

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4, (2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, lalu lintas bermaksud perihal pergi balik (perjalanan) orang atau kenderaan dan lain-lain melalui jalan.

Dalam konteks kajian ini, lalu lintas boleh didefinisikan sebagai laluan di sekitar Pasar Awam Seberang Jaya.

Infrastruktur

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4, (2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, insfrastruktur bermaksud kemudahan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan pengangkutan, pendidikan, kesihatan, bekalan kuasa elektrik dan kemudahan lain yang diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan sebuah negara, masyarakat, organisasi dan prasarana.

Dalam konteks kajian ini, kemudahan infrastruktur boleh didefinisikan sebagai bangunan, bumbung dan kemudahan parkir di Pasar Awam Seberang Jaya.

1.9 LIMITASI KAJIAN

Ketidaksahihan maklumat

- i) Maklumat yang diperolehi melalui maklum balas daripada 100 responden tidak dapat memberi keputusan secara menyeluruh dalam kajian ini.

1.10 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, melalui kajian yang dijalankan oleh para pengkaji, terdapat tiga faktor yang terlibat dalam mengkaji isu-isu persekitaran yang masih berlanjutan di Pasar Awam Seberang Jaya, Pulau Pinang. Antaranya ialah faktor kemudahan infrastruktur, faktor keselamatan dan faktor persekitaran. Faktor-faktor ini akan dikaji oleh para pengkaji dengan lebih mendalam dengan kutipan data meliputi tentang isu-isu persekitaran yang masih berlanjutan di Pasar Awam Seberang Jaya, Pulau Pinang.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian adalah kajian yang akan dijalankan untuk melihat dan meringkaskan kajian lepas berkaitan dengan beberapa topik kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui punca berlakunya faktor kemudahan infrastruktur, faktor keselamatan dan juga faktor persekitaran di Pasar Awam Seberang Jaya. Ini adalah perlu untuk mendapatkan maklumat serta membantu mencapai objektif. Oleh itu, dengan adanya sorotan kajian dapat memperkukuhkan lagi kajian yang dijalankan.

2.2 FAKTOR 1: KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Selain daripada faktor keselamatan dan persekitaran, kemudahan infrastruktur juga merupakan faktor sampingan yang menjadi punca pengunjung mengunjungi ke Pasar Awam Seberang Jaya. Antara kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di pasar awam adalah kemudahan parkir, medan selera dan sebagainya. Dengan adanya, kemudahan parkir dapat memudahkan pengunjung untuk meletakkan kenderaan mereka bagi mengunjungi Pasar Awam Seberang Jaya. Ia juga sedikit sebanyak dapat menarik perhatian pengunjung yang baru untuk lebih kerap mengunjungi Pasar Awam Seberang Jaya.

Berdasarkan teori Frishchmann, infrastruktur kurang memberi kesan ke atas daya keluaran dan komuniti kurang kebolehan untuk berkongsi kemudahan infrastruktur. Keadaan ekonomi dan sosial yang rendah juga boleh dikaitkan dengan luaran positif iaitu apabila seseorang individu atau firma yang membuat keputusan tidak menerima manfaat penuh daripada keputusan dalam pembangunan infrastruktur.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Hassan dan Junaidah (2010), menyatakan kemudahan infrastruktur adalah pengurusan kemudahan dimana ianya adalah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengurus kemudahan dan khidmat ini haruslah dapat memuaskan permintaan dan keperluan mereka yang bergantung kepada kemudahan tersebut untuk menjayakan apa-apa acara atau tujuan yang dikehendaki.

Kajian yang dibuat Albert Lee Soon Guan (2004), menyatakan kegagalan menyediakan kemudahan yang baik kepada pengunjung, sekaligus menyebabkan orang ramai mengalihkan perhatian ke pasar yang lain.

Manakala, penyertaan Ghazali Othman (2003), selain memastikan perhatian yang diterima pelanggan adalah baik, pihak pengurusan juga perlu memberikan keselesaan kepada pelanggan. Ini kerana, kemudahan infrastruktur terbaik yang disediakan kepada pelanggan akan meningkatkan kepuasan pelanggan.

Menurut YB Datuk Peter Chin Fah Kui (2003) dalam teks ucapannya menyatakan persekitaran kehidupan yang baik bermaksudkan sesuatu persekitaran yang bersih, selamat, selesa, sihat dan indah. Ini dapat dicapai melalui penyediaan

kemudahan infrastruktur yang bersesuaian dan bukan sahaja disediakan untuk memenuhi keperluan asas tetapi juga untuk memenuhi kehendak masyarakat.

Merujuk kepada pendapat yang dikemukakan oleh Barwell (1985), meneliti pembangunan infrastruktur kemudahan jalan raya dalam sekitar tahun 1976 hingga 1985. Peningkatan pembinaan jaringan jalan raya yang baik dilakukan di kawasan pedalaman di bawah program pembangunan jalan kampung bertujuan untuk memudahkan para penduduk kampung untuk akses kemana sahaja termasuklah untuk mendapatkan pendidikan.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa setiap pihak pengurusan perlu mengambil kira mengenai penyediaan kemudahan infrastruktur yang memenuhi keperluan pengunjung. Setiap pihak yang berkuasa perlu menyediakan kemudahan infrastruktur kepada pengunjung agar mudah mereka pergi dan balik ke pasar. Begitu sempurna kemudahan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan sekaligus akan memberi kesan yang positif dan sekiranya kemudahan yang disediakan tidak memenuhi keselesaan pengunjung ia akan memberi kesan negatif terhadap pengurusan pasar tersebut. Dalam kajian ini, para penyelidik berpendapat bahawa kemudahan infrastruktur adalah salah satu faktor yang penting untuk memudahkan pengguna menikmati kesenangan dan suasana persekitaran di kawasan Pasar Awam Seberang Jaya, Pulau Pinang.

2.3 FAKTOR 2: KESELAMATAN

Faktor keselamatan dalam kajian ini bermaksud langkah-langkah yang dilaksanakan oleh individu untuk mengelakkan kemudaratan seperti kemalangan, kematian ataupun kecederaan. Namun demikian, keadaan ini bukan sahaja memberi kesan kepada mutu kehidupan, malah ia boleh memburukkan ekonomi dan alam sekitar. Masalah ini sering berlaku di kawasan bandar dan dinyatakan sebagai masalah utama pada waktu tertentu. Ini menunjukkan situasi di Pasar Awam Seberang Jaya dimana susur keluar masuk menjadi sesak dan boleh menyebabkan pengunjung sukar untuk pergi ke pasar awam pada waktu pagi.

Menurut Bahari (2006) mendefinisikan keselamatan sebagai keadaan yang selamat dan bebas daripada bahaya, termasuk kecederaan dan risiko, pengetahuan atau kemahiran dalam mengelakkan kemalangan atau penyakit dan kualiti atau keadaan yang tidak membawa risiko.

Kajian keselamatan yang dijalankan oleh Cox dan Cheyne (2000) dalam kalangan pekerja pesisir pantai mendapati bahawa penyediaan peraturan dan prosedur keselamatan adalah faktor penting dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar kemalangan. Ini kerana organisasi yang kerap menyebarkan dasar dan peraturan keselamatan kepada pekerja boleh menimbulkan kesedaran dan seterusnya mereka lebih cenderung untuk bertingkah laku dan mematuhi aspek keselamatan.

Di Malaysia, sebanyak 94% daripada kemalangan jalan raya berlaku adalah berpunca daripada kecuaiannya pemandu itu sendiri (Aminuddin Adnan, 1989). Maka itu, sememangnya benar bahawa ralat manusia menyumbang peratusan yang tinggi dalam kes kemalangan jalan raya. Mereka ini bukan sahaja tidak mempedulikan undang-undang malah tidak menghormati pemandu yang lain. Kesan daripada perbuatan tidak bertanggungjawab itu menyebabkan kesesakan yang teruk terutama pada waktu puncak.

Selain itu, menurut Austroads (1994) faktor yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya adalah terdiri daripada tiga faktor utama iaitu faktor sikap manusia sebanyak 95%, keadaan persekitaran jalan raya iaitu sebanyak 28% dan faktor disebabkan oleh kenderaan sebanyak 8%.

Pakar Psikologi Dr Meriam Omar Din (2015), menyatakan walaupun kesesakan lalu lintas bukan satu-satunya masalah yang boleh menyebabkan pemandu kenderaan berada dalam keadaan tidak terkawal malahan ia akan memberi kesan jika mereka turut tertekan dengan situasi di tempat kerja atau rumah. Apabila berada dalam situasi yang tegang akan menambahkan kemarahan dan akan menyebabkan tercetusnya pergaduhan dan sebagainya.

Dalam konteks pengkaji pula, secara inisiatifnya, pengkaji akan menjalankan kajian tentang faktor keselamatan yang berlaku di Pasar Awam Seberang Jaya. Justeru itu, para pengkaji berpendapat bahawa keselamatan juga berkait rapat dengan keadaan orang ramai dimana mereka perlu mengutamakan keselamatan semasa berada di jalan raya. Hal ini jelas menunjukkan keselamatan merupakan salah satu objektif penting dalam kajian ini kepada pengunjung yang mengunjungi ke Pasar Awam Seberang Jaya.

2.4 FAKTOR 3: PERSEKITARAN

Selain daripada faktor kemudahan infrastruktur dan keselamatan, persekitaran juga merupakan faktor sampingan yang menjadi punca pengunjung mengunjungi ke Pasar Awam Seberang Jaya, Pulau Pinang. Dalam menjalankan sesuatu perniagaan atau pertanian, perkara yang perlu dititikberatkan ialah faktor persekitaran yang tidak diurus dengan baik akan mengakibatkan masalah besar. Ini kerana pengumpulan atau pembuangan sampah sarap sebarangan ke kawasan terbuka akan menyebabkan pencemaran.

Kebersihan dan masyarakat merupakan dua elemen paling penting dalam memastikan persekitaran negara yang bersih. Menurut Law Heng Kiang (2008) menjaga kebersihan memerlukan kerjasama diantara rakyat dan majlis perbandaran. Ia bukan tanggungjawab satu pihak sahaja.

Kebersihan tempat-tempat awam bukan sahaja menjadi tanggungjawab pihak berwajib tetapi semua pihak terutama orang awam. Ini disokong oleh Anne Tan (2008) yang menyatakan rakyat juga berperanan memastikan kebersihan tempat-tempat awam terpelihara. Kebersihan tempat-tempat awam seperti tandas awam, tempat rekreasi dan rehat juga boleh dipelihara dan dijaga oleh setiap pengunjung.

Tanggungjawab menjaga kebersihan ini juga bukan sahaja melibatkan pengunjung yang datang ke pasar awam malahan peniaga juga perlu bertanggungjawab. Bagi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yasid Bidin (2016), kesedaran perlu menjadi pegangan asas dalam kalangan peniaga dan bukannya mengharap pihak berkaitan. Pesanan ini bukan sahaja terletak di bahu golongan peniaga tetapi juga pihak-pihak berwajib yang telah diberi tanggungjawab bagi memastikan tahap kebersihan berada dalam keadaan baik dan memuaskan.

Keadaan persekitaran juga amat penting bagi mengelakkan pertambahan penyakit seperti demam denggi, malaria atau taun. Kebersihan persekitaran menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (2015), penjagaan kebersihan diri dan persekitaran adalah penting bagi pencegahan penyakit berjangkit seperti keracunan makanan, cirit-birit dan leptospirosis.

Seterusnya, menurut Omar Kaseh (2010) amalan 5S dapat dijadikan ciri yang penting untuk masyarakat disebuah negeri maju ke hadapan. Ianya, di mana setiap individu akan lebih bertanggungjawab dengan berganding bahu dalam melaksanakan amalan ini dan tidak menyerahkan kuasa tanggungjawab sebulat-bulatnya kepada badan agensi kerajaan.

Menurut Kironde dan Yhdego (1997) mendapati bahawa tiada penglibatan dalam aktiviti pengurusan sampah sarap adalah disebabkan penerangan yang sewajarnya tidak pernah diberikan kepada penduduk tempatan. Oleh itu, pengetahuan mengenai persekitaran yang bersistematik sangat penting untuk meningkatkan kesedaran kepada semua masyarakat mengenai kitar semula. Tambahan pula, cadangan mengenai satu model persekitaran yang bersistematik dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat tempatan perlu diperkenalkan.

Dalam kajian ini, keadaan persekitaran perlu sentiasa ditingkatkan dan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa supaya dapat menarik minat lebih ramai pengunjung ke Pasar Awam Seberang Jaya. Dalam memastikan pengunjung berpuas hati dengan persekitaran di Pasar Awam Seberang Jaya ini, maka pengkaji telah menjadikan persekitaran adalah salah satu objektif dalam kajian ini supaya pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dapat mengetahui samada keadaan persekitaran dapat memuaskan hati pengunjung atau pun tidak.